



KENYATAAN MEDIA

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA

Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang menghimpunkan para ilmuwan dan wakil agama daripada Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Tao dan Baha'i memandang serius polemik isu agama yang berterusan kebelakangan ini sehingga mencetuskan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Kami sebulat suara menyeru agar semua pihak menghentikan serta-merta sebarang polemik dan provokasi berkaitan isu agama, serta tidak menyentuh perkara-perkara sensitif melibatkan agama, kaum dan institusi diraja (3R). Isu-isu ini tidak wajar dipermainkan atau dimanipulasi untuk apa jua kepentingan kerana ia hanya akan mengundang ketegangan dan merosakkan keharmonian yang telah sekian lama dibina di negara ini.

Kami menegaskan pendirian yang keras dan tidak berkompromi terhadap sebarang bentuk provokasi, pelecehan, penghinaan atau perbuatan mempermainkan agama oleh mana-mana pihak. Tindakan sedemikian bukan sahaja mencetuskan kebencian dan prasangka, malah berpotensi menggugat perpaduan serta kestabilan negara.

Sehubungan itu, JK HARMONI mendokong sepenuhnya sebarang tindakan pihak berkuasa terutamanya oleh Polis Diraja Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia terhadap mana-mana individu atau pihak yang melakukan provokasi agama, selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Pendekatan yang mencetuskan kebencian dan perpecahan mesti ditolak sepenuhnya. Kepelbagaian agama di Malaysia adalah kekuatan serta asas kepada kestabilan negara.

Jangan sesekali menggadaikan keamanan yang kita kecapai hanya kerana emosi, salah faham atau perbezaan pandangan yang sepatutnya diselesaikan secara matang, berhemah dan berlandaskan undang-undang.

Sehubungan itu, kami menyeru semua pihak untuk kembali ke meja rundingan dan perbincangan. Setiap isu mempunyai jalan penyelesaian sekiranya ditangani dengan hikmah dan rasa tanggungjawab. Marilah kita memperkuat nilai kebersamaan, saling memahami, menghormati, menerima dan meraikan perbezaan sebagai teras kehidupan bermasyarakat.

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA

2 Mac 2026

KPN.100-9/1/16 (15)

